

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 3/7/2016

Muka surat: 13

Tajuk : 800 bungkus bubur lambuk diagih kepada warga UNIMAS



**IKHLAS:** Mohamad Kadim menyampaikan bungkusan bubur lambuk kepada salah seorang penerima di Kota Samarahan kelmarin.

## 800 bungkus bubur lambuk diagih kepada warga UNIMAS

**KOTA SAMARAHAN:** Sebanyak 800 bekas berisi bubur lambuk diagih-agihkan kepada warga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di hadapan bangunan Canselori di sini kelmarin.

Pengagihan bubur lambuk itu merupakan aktiviti tahunan Pejabat Pendaftar UNIMAS dan merupakan sumbangan Bank Rakyat dan Agrobank.

Turut diadakan penyerahan barang keperluan Program 'Kasih Ramadan' kepada 16 penerima dari keluarga kurang berkemampuan sekitar Kota Samarahan.

Pengagihan bubur lambuk dan penyerahan barang itu disempurnakan oleh Naib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim

Suaidi:

Antara barangannya ialah beras, susu, biskut, kopi, teh, gula, air kordial, gula dan minyak masak.

Diharap sumbangan tersebut mampu membantu isi rumah yang memerlukan dengan makanan dan barang keperluan dengan semangat Ramadan.

Pendaftar UNIMAS, Abu Bakar Ibrahim berkata program itu sebahagian tanggungjawab korporat Pejabat Pendaftar berbakti kepada komuniti dan menambahkan keseronokan meraikan sambutan Ramadan.

Selain itu, program itu dapat mengeratkan silaturahim dan kerjasama kalangan warga UNIMAS dan pihak luar.